



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

24 MAC 2023 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

24 MAC 2023 (JUMAAT)

99 Speed Mart mahu buka 300 lagi cawangan

Syarikat tinjau potensi perniagaan di kawasan kejiranan padat

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

99 Speed Mart Sdn Bhd, pengendali rangkaian pasar mini 99 Speed Mart merancang membuka sekitar 300 cawangan baru di seluruh negara tahun ini.

Pengarah Operasi Cawangan 99 Speed Mart, Yong Eng Kwang, berkata syarikat yang kini memiliki 2,300 cawangan pasar mini setakat ini, melihat banyak potensi dan peluang untuk mengembangkan perniagaan khususnya di kawasan baharu membangun serta kejiranannya yang padat.

"Kami mahu menawarkan barang pada harga murah kepada semua selaras dengan slogan kami 'Dekat Lagi Murah'.

"Setiap cawangan baharu membabitkan pelaburan sekitar RM300,000 untuk barang sahaja tidak termasuk kos berkaitan premis," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran Jualan Rahmah Bersama 99 Speed Mart di Kuala Lumpur, semalam.

Pelancaran itu disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Sal-



Salahuddin bersama Eng Kwan melihat barang yang dijual pada majlis pelancaran Jualan Rahmah Bersama 99 Speed Mart di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aziah Azmee/BH)

huddin Ayub.

Berhubung cadangan pembukaan pasar raya besar ekonomi seperti dicadangkan KPDN, Eng Kwang berkata, perkara ini akan dibincangkan secara terperinci dengan kementerian berkenaan.

"Cadangan ini boleh dilaksanakan cuma kami perlu berbincang dengan KPDN kerana ia akan membabitkan banyak pihak. Pada kami, ia satu cadangan yang sangat baik," katanya.

Sedia ruang produk PKS

Ditanya mengenai pendekatan perniagaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), beliau menjelaskan, produk PKS memenuhi sekitar 30 peratus daripada ruang yang adalah dalam premis

99 Speed Mart.

Malah, katanya, produk keluaran PKS termasuk berasaskan makanan diletakkan pada rak yang sama dengan jenama besar bagi membolehkan persaingan lebih sihat dan memberi peluang kepada pelanggan membuat pilihan.

"Kita bagi peluang sama untuk PKS bersaing dengan namâ besar. Contohnya, jenama kicap PKS diletakkan pada rak sama dengan jenama terkemuka. Ia persaingan sihat dan mudahkan pelanggan membuat pilihan," katanya.

Sementara itu, pelaksanaan Inisiatif Payung Rahmah di seluruh 2,300 cawangan 99 Speed Mart di seluruh negara meliputi aktiviti jualan yang berlangsung selama sebulan mulai 23 Mac 2023 sehingga 22 April 2023.

Jualan itu membabitkan sebanyak 150 pelbagai produk barang asas dan perlu seperti beras, susu tin, air minuman, ketupat mini, kordial, barang pencuci, mentega, biskut raya dan sebagainya yang masing-masing ditawarkan pada harga yang lebih rendah sehingga 40 peratus berbanding harga jualan murah sedia ada.

Salahuddin berkata, KPDN melihat tambahan diskon di bawah Jualan Rahmah yang ditawarkan oleh 99 Speed Mart sebagai tawaran yang amat berbaloi, berpututan dan mampu milik kepada seluruh rakyat Malaysia, seiring dengan keperluan rakyat untuk mendapatkan barang keperluan asas.



SALAHUDDIN (kiri) dan Eng Kwang (kanan) membuat lawatan selepas merasmikan Kempen Jualan Rahmah Hari Raya di 99 Speed Mart, PPAIM Bukit Jalil. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

Oleh Mohd Zaky
Zainuddin

bisnes@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

9 Speed Mart Sdn Bhd, pengendali rangkaian pasar mini 99 Speed Mart merancang membuka sekitar 300 cawangan baharu di seluruh negara tahun ini.

Pengarah Operasi Cawangan 99 Speed Mart, Yong Eng Kwang berkata, syarikat yang kini memiliki 2,300 cawangan pasar mini setakat ini, melihat banyak potensi dan peluang untuk mengembangkan perniagaan khususnya di kawasan baharu membangun serta kewiran yang padat.

"Kami mahu menawarkan barang pada harga murah kepada semua selas dengan slogan kami Dekat Lagi Murah."

"Setiap cawangan baharu membabitkan pelaburan sekitar RM300,000 untuk bahan sahaja tidak termasuk kos berkaitan premis," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran Jualan Rahmah Bersama 99 Speed Mart di sini, semalam.

99 SPEED MART LEBARKAN SAYAP

Rancang tambah 300 cawangan



Setiap cawangan baharu membabitkan pelaburan sekitar RM300,000 untuk bahan sahaja tidak termasuk kos berkaitan premis"

Eng Kwang

Pelancaran itu disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Berhubung cadangan pembukaan pasar raya besar ekonomi seperti dicadangkan KPDN, Eng Kwang berkata, perkara ini akan dibincangkan secara terperinci dengan kementerian ber-

kenaan

"Cadangan ini boleh dilaksanakan cuma kami perlu berbincang dengan KPDN kerana ia akan membabitkan banyak pihak. Pada kami, ia satu cadangan yang sangat baik," katanya.

Ditanya mengenai pendekatan perniagaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), beliau menjelaskan, produk PKS memenuhi sekitar 30 peratus daripada ruang dalam premis 99 Speed Mart.

Malah, katanya, produk keluaran PKS termasuk berdasarkan makanan diletakkan pada rak yang sama dengan jenama besar bagi membolehkan persaingan lebih sihat dan memberi peluang kepada pelanggan membuat pilihan.

"Kita bagi peluang sama untuk PKS bersaing dengan nama besar. Sebagai contoh,

jenama kicap PKS akan diletakkan pada rak sama dengan jenama terkemuka lain. Ia untuk persaingan lebih sihat dan mudahkan pelanggan membuat pilihan," katanya.

Sementara itu, pelaksanaan Inisiatif Payung Rahmah di seluruh 2,300 cawangan 99 Speed Mart di seluruh negara meliputi aktiviti jualan yang berlangsung selama sebulan mulai 23 Mac 2023 sehingga 22 April 2023.

Jualan itu membabitkan sebanyak 150 produk bahan asas dan perlu seperti beras, susu tin, air minuman, ketupat mini, kordial, barang pencuci, mentega, biskut raya dan sebagainya yang masing-masing ditarik pada harga yang lebih rendah sehingga 40 peratus berbanding harga jualan sedia ada.

Syor Jualan Rahmah bergilir di pasar raya

Usaha KPDN bolehkan rakyat nikmati harga barang mampu milik setiap masa

Oleh Zanariah Abd Mutalib
dan Nur Amira Mohd Hedzer
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) akan mengadakan libat urus dengan rangkaian pasar raya besar supaya mereka dapat melaksanakan inisiatif Jualan Rahmah secara bergilir bagi membolehkan rakyat menikmati harga barang mampu milik setiap masa.

Menurutnya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata KPDN sebelum ini, sudah mengadakan li-

bat urus dengan hampir semua pasar raya besar di Malaysia bagi pelaksanaan Jualan Rahmah dan mereka setakat ini menyambut baik usaha berkenaan.

"Pada masa akan datang, kita akan cuba mencari satu mekanisme yang lebih mampan.

"Jika tiga faktor kita jaga betul-betul, iaitu tidak berkompromi dengan kualiti, tiada paksaan daripada kerajaan dan semua piawai bersetuju dengan terma ditetapkan, serta rakyat mendapat akses kepada barang ini, maknanya kita boleh lakukan secara berterusan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Jualan Rahmah Bersama 99 Speed Mart di sini, semalam. Yang turut hadir, Pengarah Operasi Cawangan 99 Speed Mart Sdn Bhd, Yong Eng Kwang.

Ops Pantau bazar Ramadan
Mengenai cadangan mewujudkan pasar raya yang menjual barang mampu milik atau dike-

nali sebagai pasar raya sosial, Salahuddin berkata, setakat ini, ia masih pada peringkat konsep dan perbincangan.

"Kita perlu ada satu projek perintis berdekatan Kuala Lumpur atau tengah bandar raya, kemudian baru kita boleh adakan di seluruh negara," katanya.

Selain itu, katanya, KPDN akan melaksanakan Ops Pantau di bazar Ramadan seluruh negara, bermula hari ini bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan ditetapkan.

Sementara itu, Eng Kwang, berkata melalui Jualan Rahmah di 99 Speed Mart yang berlangsung bermula semalam hingga 22 April, 150 barang keperluan ditawarkan dengan potongan harga antara lima hingga 30 peratus.

"Sebanyak 2,300 cawangan 99 Speed Mart di seluruh negara terbabit dalam Jualan Rahmah ini, yang mana akan memudahkan pelanggan mendapatkan barang di mana-mana cawangan yang berdekatan," katanya.



Mawar (kiri) bersama tiga lagi pemilik butik tempatan di Kedah yang bergabung jual Baju Raya Rahmah. (Foto Zuliaty Zulkifli/BH)

Baju raya untuk B40

Alor Setar: Empat jenama pakaian tempatan di Kedah berkolaborasi dalam fesyen 'Kedah Rona Raya' yang turut menawarkan Baju Raya Rahmah dalam membantu meringankan beban golongan B40 menyediakan kelebihan raya mereka.

Golongan memerlukan itu dapat memilih pakaian raya berkualiti pada harga mampu milik yang ditawarkan usahawan tempatan, iaitu jenama Liyana Collection (LYC) dengan harga bermula serendah RM35, Nabella Butik (RM39), manakala Duchess Exclusive By CPG dan Qamraa masing-masing (RM59).

Pemilik Butik Duchess, Mawar Ismail, berkata usaha itu bertujuan membolehkan semua

golongan membeli Baju Raya Rahmah dengan harga murah disebabkan keadaan ekonomi tidak menentu ketika ini.

"Memandangkan sambutan hari raya tahun ini serentak pembukaan sekolah sesi 2023/2024, ramai terpaksa mengeluarkan belanja yang besar.

"Namun, dengan harga pakaian Baju Raya Rahmah yang diperkenalkan ini, ia sedikit sebanyak membantu mereka untuk berbelanja dengan harga murah," katanya pada sidang media di butiknya, kelmarin.

Mawar berkata, jualan itu masih untung, tetapi tidak sebanyak untung jualan harga bisa. Namun, pihaknya berpuas hati kerana mendapat permintaan.

Cadang pasar raya besar buat jualan Rahmah bergilir-gilir

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Hidup (KPDN) akan mengadakan libat urus bagi mencadangkan kepada rangkaian pasar raya besar supaya bergilir-gilir melaksanakan jualan Rahmah sepanjang tahun.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, inisiatif itu bagi membolehkan golongan memerlukan termasuk B40 dapat menikmati pembelian barang keperluan pada harga mampu milik.

"Ini kerana kita bimbang ketika ini ramai pihak sama ada melalui media perdana mahupun me-

dia sosial bercakap mengenai peningkatan harga barang terutama menjelang musim perayaan.

"Justeru, kita tampil dengan idea supaya rangkaian pasar raya besar dapat bergilir-gilir melaksanakan jualan Rahmah supaya golongan memerlukan dapat menikmati harga mampu milik sepanjang tahun.

"Kita akan adakan libat urus bersama mereka bagi membincangkan perkara ini. Berdasarkan libat urus yang kita adakan bersama mereka, kita nampak maklum balas daripada mereka baik," katanya.

Tak bertindak zalim henti *Touch N Go*

Kerajaan mahu beri lebih pilihan kepada pengguna: Menteri

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin dan Wan Nur
Izzati Wan Amir
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiada sebarang tindakan akan diambil kerajaan terhadap pengendali sistem *Touch N Go* dan syarikat itu dibenarkan beroperasi seperti biasa.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kerajaan mahu melaksanakan langkah untuk memberikan peng-

guna lebuh raya lebih pilihan sama ada menggunakan *Touch N Go* atau sistem lain seperti kad debit dan kredit.

"Kerajaan tidak bertindak zalim untuk menghentikan (*Touch N Go*) walaupun kita minta mereka jawab beberapa soalan sebelum ini.

"Malah, saya juga dimaklumkan sudah ada banyak pemain (industri) yang bersedia menawarkan sistem terbuka ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Jualan Rahmah Hari Raya 99 Speedmart di Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1AM) Bukit

Jalil, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, pihaknya akan berbincang dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia dan pemain industri supaya sistem itu terbuka.

"Ia bagi membolehkan rakyat memilih sama ada menggunakan *Touch N Go*, *RFID* dan *Smart Tag*.

"Pada masa sama, rakyat juga boleh menggunakan pembayaran biasa menggunakan kad debit dan kredit," katanya.

Kelmarin, Salahuddin memaklumkan pihaknya akan berbincang dengan Kementerian Kerja Raya bagi ca-

dangan pelaksanaan sistem pembayaran terbuka di Lebuhraya Utara-Selatan, minggu depan.

Katanya, setakat ini hanya beberapa konsesi lebuh raya yang terbabit dalam pelaksanaan itu yang dijadualkan bermula September depan.

Terdahulu, Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memaklumkan beberapa lebuh raya akan melaksanakan sistem pembayaran terbuka selewat-lewatnya September ini bagi membolehkan pengguna membayar tol menggunakan kad debit dan kredit.

HARGA BUFET RAMADAN

Bukan bawah harga kawalan

Oleh Mahaizura Abd
Malik dan Noor Hidayah
Tanzizi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Hidangan buffet Ramadhan tidak termasuk di bawah harga kawalan kerana ia adalah caj disediakan oleh pihak hotel atau restoran tertentu.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) berkata, pengguna mempunyai pilihan untuk memilih perkhidmatan yang bersesuaian dengan kemampuan mereka.

Bagaimanapun, katanya, beberapa tindakan boleh diambil bagi mengawal harga tidak berpatutan atau mengambil keuntungan tidak munasabah.

"KPDN menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) oleh peniaga selain Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (penandaan harga bagi barang dan caj bagi perkhidmatan) 2022 untuk memastikan peniaga meletak-

kan tanda harga.

"Selain melaksanakan Ops Menu melalui pemeriksaan secara harian di premis makanan, Ops Samar melalui penyamaran yang dilakukan anggota penguar kuasa dan melakukan siasatan aduan susulan aduan diterima," katanya.

Katanya, bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah, pihaknya akan mengeluarkan notis mengikut Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 ke atas pihak yang didapati menaikkan harga mendadak dan ketara.

"Daripada notis yang dikeluarkan, KPDN akan melakukannya analisis berdasarkan maklumat diperolehi sama ada berlaku aktiviti pengambilan keuntungan se cara tidak munasabah (mencatut) ke atas penentuan harga jualan berkenaan.

"Jika berlaku aktiviti mencatut, tindakan tegas akan dilaksanakan ke atas pihak berkaitan," katanya.

Menurutnya, pengguna perlu bijak berbelanja dan menggunakan sepenuhnya hak sebagai pengguna agar tidak mudah dimanipulasi oleh segerinti pihak tidak bertanggungjawab dan melaporkan sebarang maklumat berhubung salah laku kepada pihaknya.

"Pendekatan pelaksanaan penguatuasaan secara berhemah masih dipraktikkan dengan memberi pendidikan, nasihat dan amaran supaya peniaga mematuhi undang-undang dan mengamalkan etika peniagaan yang baik," katanya.

Dalam pada itu, katanya, seramai 2,300 pegawai dan anggota penguar kuasa KPDN digerakkan bagi pemantauan harga di seluruh negara pada Ramadhan ini.

Kenyataan itu berkata, pemantauan itu akan dilakukan di semua premis makanan termasuk hotel yang menyediakan buffet Ramadhan dan di bandar manapun luar bandar.

"KPDN akan memantau semua barang yang dijual di premis perniagaan pada Ramadhan ini, termasuk barang mentah dan sedia masak.

"Selain itu, KPDN melaksanakan penentuan harga ayam dan telur ayam yang sudah berkuat kuasa mulai 5 Februari lalu sehingga kini," katanya.

'Harga jualan Rahmah tekstil mesti turun lagi'

Kuala Lumpur: Lebih banyak libat urus akan dilakukan bersama pemain industri tekstil dalam insiatif Payung Rahmah agar mereka dapat menawarkan jualan harga pakaian yang lebih rendah sehingga 20 peratus berbanding harga jualan murah sedia ada.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata selain baju raya pada musim perayaan, antara yang boleh ditawarkan menerusi program itu termasuk baju sekolah bagi memberikan kelegaan kepada rakyat mendepani masalah kos sarawak hidup.

"Jualan Rahmah untuk tekstil ini harganya mesti turun lagi daripada promosi jualan yang ditawarkan sepanjang tahun itu. Jadi, saya mengharapkan lebih ramai pemain industri tekstil tampil ke hadapan.

"...kalau dari segi Menu Rahmah kita sudah ada, begitu juga pelajar universiti pun sudah ada Kafe Rahmah, jadi mungkin kalau esok akan ada lagi pakej Rahmah lain misalnya untuk majlis ber-

tunang dan perkahwinan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas pelancaran Jualan Rahmah Baju Raya Jakel, di sini semalam, yang turut dihadiri timbalannya, Fuziah Salleh dan Pengarah Urusan Kumpulan Jakel, Datuk Seri Mohamed Faroz Mohamed Jakel.

Salahuddin berkata setakat ini selain Jakel, pasar raya Mydin turut menawarkan jualan Rahmah untuk baju raya yang mendapat sambutan yang membanggakan.

Sementara itu Mohamed Faroz berkata pihaknya menawarkan jualan Rahmah baju raya melibat semua rangkaian Jakel di seluruh negara dengan potongan harga sekurang-kurangnya 30 hingga 40 peratus.

"Misalnya baju raya Melayu edisi Nabil Ahmad dan Aaron Aziz yang kualiti kainnya pada harga premium sekitar RM300, biasanya dijual dengan harga promosi antara RM250 hingga RM200.

"Bagaimanapun dengan adanya Jualan Rahmah Baju Raya Jakel ini, sepasang baju Melayu kita tetapkan harga pada RM149 berserta dengan samping dan juga butang baju," katanya.



SALAHUDDIN (atas) bersama Faroz dan Mohamed Fariz selepas pelancaran Jualan Rahmah Baju Raya Jakel.

Itra

Empat jenama pakaian tempatan di Kedah berkolaborasi dalam fesyen Kedah Rona Raya yang turut menawarkan Baju Raya Rahmah dalam membantu meringankan beban golongan B40 menyediakan kelengkapan raya mereka.

Golongan memerlukan itu dapat memilih pakaian raya berkualiti pada harga mampu milik yang ditawarkan usahawan tempatan iaitu jenama Liyana Collection (LYC) dengan harga bermula serendah RM35, Nabella Butik (RM39) manakala Duchess Exclusive By CPG dan Qamraa masing-masing (RM59).

Pengasas Duchess Mawar Ismail berkata pihaknya bersama tiga lagi jenama itu berpandangan keadaan ekonomi semasa yang perlukan mendorong peniaga untuk memberikan tawaran pakaian raya pada harga rendah kepada golongan B40 sekali gus dapat menggembirakan mereka dalam menyambut Aidilfitri nanti.

"Kita (buat) pengeluaran besar, masih ada untung tetapi taklah sebanyak untung kalau jual (seperti) harga normal. Memandangkan keadaan ekonomi sekarang ini nampak perlahan dengan anak nak sekolah dan (sambut) raya, kami rasa tak apalah jual harga Rahmah, barang terjual dan orang pun dapat baju, itu yang penting," kata pada sidang media di sini.

Pada 15 Mac lalu, empat jenama itu bergabung mengangurkan pertunjukan fesyen di Alor Setar bagi memperagakan rekaan dan koleksi baju raya masing-masing yang dihadiri kira-kira 500 orang selain agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda).

Mengulas lanjut, Mawar berkata harga Rahmah yang ditawarkan itu akan berterusan meskipun selepas raya nanti dan pihak Duchess



PELBAGAI baju raya berkualiti ditawarkan dengan harga mampu milik.

KOLABORASI 4 JENAMA PAKAIAN TEMPATAN

Baju raya Rahmah B40



Kita (buat) pengeluaran besar, masih ada untung tetapi taklah sebanyak untung kalau jual (seperti) harga normal. Kami rasa tak apalah jual harga Rahmah"

Mawar

menyediakan pelbagai reka bentuk pakaian terutamanya daripada segi corak yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa untuk mengekalkan kelainan.

Sementara itu, Pengurus LYC Noraizat Abdul Ghani berkata sekiranya stok baju Rahmah itu kehabisan, pihaknya akan menambah stok baju berkenaan dengan reka bentuk dan warna pakaian yang berlainan untuk memastikan pelanggan memikmati kelainan untuk baju raya mereka.

"Jadi, untuk raya macam

Baju Rahmah, kita ada kurta dan untuk baju budak-budak pun ada yang harganya RM35...setakat ini kebanyakkan pelanggan kami yang berulang-ulang datang membeli, jadi kami nak pastikan mereka ada pengalaman berbeza dengan reka bentuk dan baju yang lain," katanya.

Pengarah Urusan Qamraa Rabia Saad pula berkata pihaknya mengeluarkan pakaian pada harga Rahmah kerana mengambil kira faktor situasi selepas pandemik Covid-19 apabila tingkah laku pembelian pelanggan telah berubah kepada memilih pakaian yang harganya murah berbanding memeringkatkan aspek jenama.

"Dulu Qamraa ini tak ada baju pada harga Rahmah ini, semua baju kami selalunya lebih RM200, tetapi bila kita tengok orang sekarang lepas Covid-19, tingkah laku pun dah berubah, iaitu kalau murah pelanggan akan beli, dia dah tak ikut sangat brand," katanya.

Dalam pada itu, Pengasas

Nabella Butik Siti Nabilah Dol Bahrin berkata pihaknya juga memfokuskan kepada kepelbagaiannya reka bentuk pakaian termasuk baju harga Rahmah bagi menawarkan banyak pilihan kepada pelanggan pada harga mampu milik.

Traders under close watch



Affordable groceries: Malaysians can enjoy further discounts on basic necessities under 99 Speed Mart's Payung Rahmah promotion campaign.
— Bernama

Ministry wants to prevent profiteering at Rahmah bazaars

By BENJAMIN LEE
benlkh@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: As the highly-anticipated Rahmah bazaars get going, traders will be under the watchful eye of enforcement officers looking out for any profiteering, says the Domestic Trade and Cost of Living Minister.

Datuk Seri Salahuddin Ayub said his men would be sent to Rahmah bazaars across the country "and will be lenient at first".

"If they keep repeating the act, the traders will be issued fines based on the severity of their profiteering," he told reporters after launching 99 Speed Mart's Hari Raya promotion campaign under the ministry's Payung Rahmah initiative yesterday.

He said a directive had been issued for all traders at Rahmah bazaars to display product prices in a clear and noticeable way.

99 Speed Mart's Payung Rahmah promotion campaign will last until April 22 with all 2,300 of its stores nationwide offering further discounts of up to 40% for 150 items already discounted by the company's under its current Hari Raya promotions.

These include basic items such as rice, beverages, snacks and detergents.

Asked what the long-term plans were for Payung Rahmah, Salahuddin said he would hold discussions within his ministry to develop a sustainable approach.

He said one proposal was for big industry players to take turns to run Rahmah discount campaigns throughout the year.

"This would ensure that at least one Payung Rahmah initiative at one major hypermarket will be on at all times throughout the year. This is one of many ideas," he added.

Salahuddin said the quality of items sold under the Payung Rahmah initiative would

not be compromised, adding that the ministry would be in continuous engagement with industry players and consumers.

"Once a campaign is launched, we will keep close tabs to quickly respond to possible complaints from consumers on quality issues.

"This is critical, as negative feedback spreads extremely fast these days," he added.

On the toll payment issue, Salahuddin said his ministry was liaising with the Works and Transport ministries on the implementation of an open payment system.

"All ministries have been instructed to begin engaging with stakeholders and industry players under them. So far, all payment service providers are keen on the proposed open payment system for tolls," he added.

Salahuddin said the open payment system would be prioritised along the North-South Expressway due to its high volume of daily traffic.

Sesi libat urus perluas sistem pembayaran terbuka lebuh raya

KUALA LUMPUR - Tiga kementerian akan berbincang dan bekerjasama dalam rancangan mengintegrasikan sistem pembayaran terbuka di lebuh raya dalam negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kepentingannya telah bersetuju mengadakan sesi libat urus dengan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Pengangkutan (MOT) untuk meluaskan sistem pembayaran terbuka kepada Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS).

"Libat urus ini berterusan, terutamanya dengan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) supaya semua lebuh raya menggunakan sistem terbuka. Dengan itu cara pembayaran blas seperti kad debit dan kredit boleh juga digunakan," katanya dalam sidang media selepas melancarkan kempen Jualan Rahmah Hari Raya 99 Speed Mart di sini pada Khamis.

Salahuddin memaklumkan, beliau menerima maklumat bahawa sudah ada pemain industri sedia menawarkan sistem berkenaan yang akan membolehkan pengguna lebuh raya memilih sistem pembayaran semasa di lebuh raya nanti.

Sebelum ini, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri

Alexander Nanta Linggi dilaporkan berkata, lebuh raya yang akan melaksanakan sistem pembayaran terbuka selewat-lewatnya September ini ialah Lebuhraya Sungai Besi, Lebuhraya Baru Pantai, Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur, Lebuhraya Koridor Guthrie dan Jambatan Pulau Pinang.

Sementara itu, menyentuh isu monopoli Touch N Go dalam pengangkutan dan jalan raya, Salahuddin berkata, usaha mengintegrasikan sistem pembayaran terbuka itu bukan bermakna kerajaan mengambil tindakan terhadap syarikat berkenaan.

"Perkara iringi perlu jelas, bahawa kita tidak ambil tindakan terhadap Touch N Go, mereka boleh terus beroperasi. Kerajaan tidak zalim menghentikan terus operasi mereka," katanya.

Terdahulu, Saifuddin melancarkan kempen Jualan Rahmah Hari Raya 99 Speed Mart di bawah inisiatif Payung Rahmah yang berlangsung selama sebulan bermula semalam hingga 22 April depan di 2,300 cawangan 99 Speed Mart seluruh negara..

Beliau berkata, jualan itu melibatkan 150 produk pelbagai barang keperluan asas pada harga lebih rendah. - Bernama



Salahuddin (kiri) membuat lawatan selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Jualan Rahmah bersama 99 Speed Mart Sdn Bhd di 99 Speed Mart Cawangan Bukit Jalil pada Khamis.

MONOPOLY

'Govt won't terminate TnG services'

KUALA LUMPUR: The government will not end the services of Touch 'n Go (TnG) in the country's highways amid plans to introduce an open-payment system.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said TnG's services would not be terminated and steps to offer more payment options to highway users were in the pipeline.

It would include incorporating an open-payment system at highways like the North-South Expressway, he said.

"We want to be clear that we will not take action against TnG. The government will not be cruel and end the services of TnG, although we have asked the operator to provide us with some answers (to queries)," he said after the Hari Raya Rahmah Sales launch with 99 Speed Mart here yesterday.

Salahuddin said his ministry, along with the Works and Transport Ministries, had agreed to discuss wider open-payment methods on more highways.

This will give highway users a choice and to ease their travels aside from the current payment options of TnG, RFID, Smart Tag or MyKad.

DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB
Domestic trade and cost of living minister

"We will deliberate on this for the sake of highway users, along with the Malaysian Highway Authority and parties that are interested in being part of the open-payment system."

"This will give highway users a choice and to ease their travels aside from the current payment options of TnG, RFID, Smart Tag or MyKad," he added.

On Sunday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had said the government would review the TnG monopoly.

On Monday, Transport Minister

Anthony Loke had said the ministry had instructed all agencies, including public transport operators, to create an open-payment system.

Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi had said the Sungai Besi Expressway, the Ampang-Kuala Lumpur Elevated Highway, the New Pantai Expressway, the Guthrie Corridor Expressway and the Penang Bridge would roll out an open-payment system in September.

Spirit of Ramadan

BY ARINA MUSTHAFIA
AND SIVANSWARY MORHAN
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Since Menu Rahmah was launched on Jan 31 by Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub, many businesses have joined in to offer items at reduced prices to help contain the rising cost of living.

Recently, the ministry suggested that in the spirit of Ramadan, the holy month of fasting which started yesterday, at least 30% of vendors should offer Menu Rahmah at their stalls for *buka puasa*.

Now, vendors here have started doing exactly that, by offering lower-priced *buka puasa* meals.

Federal Territory Malay Hawkers and Petty Traders Association president Datuk Mohamad Abdullah said the association supports the implementation of Menu Rahmah at Ramadan bazaars.

"Vendors will support it by offering a few dishes priced at RM5 because there is a demand for Menu Rahmah, be it at restaurants, food stalls or fast-food franchises."

While vendors at the Ramadan bazaar in Section 17, Petaling Jaya, did not specifically advertise Menu Rahmah, *theSun* spoke to visitors who said they found the food sold to be a blend of affordable and competitively priced items.

One visitor, Shasha Binchang from Sarawak, said: "I am grateful to the government for launching Menu Rahmah."

"While some of the food is sold at affordable prices and even below RM5, there are others that can be quite pricy, such as ayam golek

● Food bazaar vendors take ministry's cue to offer *buka puasa* meals at reduced prices

(roasted chicken), that one stall is selling at RM25 a bird."

"The side dishes that I bought for my family of three cost me RM20, which is not too bad. I plan to buy a few more dishes for my family to enjoy during *buka puasa*," she said.

Another customer, Pushpa Devi, said she gets excited when the fasting month comes around each year.

"It's the best time of the year for my family. There are so many dishes to choose from, including traditional ones like *nasi lemak*, *satay*, fresh *onde-onde* and *nasi kerabu*.

"The dishes here are very affordable compared with many other Ramadan bazaars that I had been to in the past. This year, I can buy more food items to enjoy as I found many pre-packed meat and vegetable dishes have been priced at RM5 or below, and they come in reasonable serving sizes," she said.

Satay seller Fitri Yani, 28, offered her grills at RM1 (chicken) and RM1.40 (beef or lamb) a stick when the average price today is much higher.

"Since opening my stall at 3pm today, I have sold only 50 sticks of *satay* because of the heavy rain. It's not just Muslims who are buying them, many of my customers are Chinese and Indians.

"I do not doubt sales will pick up once the rain stops," she said.

Ridzuan Salleh, 43, who sells Terengganu specialty *keropok lekor*, said he also experienced slow sales yesterday due to the bad weather. However, he was also positive that sales would pick up as "it's only the first day of Ramadan".

"I have been selling food at Ramadan bazaars for the past 13 years and this year, the first-day crowd started looking better than during the Covid-19 period from 2020 to 2022. But then the rain came and the crowd thinned out.

"Anyway, I have lowered the prices of most of the items at my stall to below RM5, including *keropok lekor sira*, *keropok lekor cheese* and *keropok lekor mayonnaise*. These are popular items and I want to support the government's call to help the lower-income group," he said.

The Kuala Lumpur City Hall media and promotion department told *theSun* that there are 63 Ramadan bazaars involving 4,141 vendors in 11 parliamentary constituencies.

The department's principal assistant director Shahlan Ambroz Zainuddin said there are nine Ramadan bazaars in Bandar Tun Razak, nine in Batu, eight in Bukit Bintang, one in Cheras, one in Kepong, five in Lembah Pantai, four in Segambut, five in Seputeh, four

in Setiawangsa, 10 in Titiwangsa and eight in Wangsa Maju.

"The biggest Ramadan bazaar in Kuala Lumpur is located at the PKNS flats in Jalan Kuching, with 220 vendors spread across a 1.7km stretch," he said.

Ramadan bazaars will be held throughout the fasting month and end just before Hari Raya on April 22.



TnG monopoly review reflects political will: Economists

■ BY ARINA MUSTHAFIA
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The political will the government has in reviewing the monopoly of Touch 'n Go (TnG) on highway tolls is yet another positive move in breaking commodity and service monopolies in Malaysia, said economists.

TnG is currently the only contactless and cashless method of payment at highway tolls and for public transport in the country.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said on March 19 the monopoly of TnG would be reviewed so that other forms of toll payments could also be used.

On the following day, Transport Minister Anthony Loke said an open payment system for transport services under Prasarana Malaysia Berhad would be implemented soon to give public transport users other choices besides TnG.

Works Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said five highways, namely the Sungai Besi Expressway, New Pantai Expressway, Ampang-Kuala Lumpur Elevated Highway, Guthrie Corridor Expressway and the

► Open payment system for toll, transport services to be implemented soon to provide public with greater choices

Penang Bridge would use an open payment system.

This will see highway users using debit and credit cards for payments by September.

Universiti Utara Malaysia School of Economics, Finance and Banking senior lecturer Dr Abu Sufian Abu Bakar said there are businesses that do not seem like a monopoly but control the supply of commodities and services.

"During festive seasons, we can see a sudden surge in chicken prices, followed by chicken shortages in markets and shops. This is due to the alliance among chicken cartels that control its supply and market price."

A company like Padiberas Nasional Berhad (Bernas) started off as a government initiative to help local padi farmers by importing rice and distributing profits to farmers through subsidies.

"Anwar's move to urge Bernas to allocate funds for poor farmers after

becoming the prime minister last year, shows his political will to break monopolies in the country," he told *theSun*.

On the monopoly of Tenaga Nasional Berhad (TNB) in the energy sector, Abu Sufian suggested that the government should start commercialising and investing in renewable energy to provide diversity in the energy market.

"By providing other alternatives to TNB's hydroelectric and coal-operated plants, we could reduce our dependence on TNB. We would also have the option to choose a cleaner way to power our homes and offices with wind and solar energy."

"Although the Malaysia Competition Commission was established in 2011 with the purpose of enforcing the Competition Act 2010, there seems to have been a minuscule effect on businesses that monopolise

the market of a particular industry."

Multimedia University Faculty of Business senior lecturer Dr Lye Chun Teck said although monopolisation of businesses in theory is disadvantageous to consumers, it is easier for the government to implement economic and trade-related policies when there are only a few businesses in industry.

He added that in implementing national-level policies, policy makers must consult and listen to the voices of stakeholders in the respective industries.

"If the size of an industry is small, the execution of policies will be faster. However, this could mean that the voices of consumers are not heard."

"Consumers will be burdened with high costs they have to pay for sub-par services, and they would have to pay even more to enjoy slightly better services."

"This is why the government needs to increase the competition between businesses in the same industry."

"These businesses will compete in offering desirable services at reasonable prices, just to attract potential consumers."



PENGUAT kuasa KPDN memeriksa tong simpanan diesel yang diseleweng di premis berkenaan.

Stor seleweng diesel subsidi diserbu KPDN

Kajang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) memumpukan aktiviti penyeleweng minyak diesel bersubsidi menerusi Ops Tiris selepas menyerbu sebuah premis di Semenyih, dekat sini, yang disyaki dijadikan stor tempat penyimpanan dan pemindahan minyak diesel bersubsidi, Selasa lalu.

Pengarah Penguatkuasaan Datuk Azman Adam berkata, serbuan yang dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Putrajaya pada jam 9.30 malam itu adalah hasil risikan dilakukan selama beberapa hari sebelumnya. Menurutnya, hasil periksaan lanjut ke atas keseluruhan premis, pihaknya menemui minyak diesel dengan kuantiti keseluruhan berjumlah 5,000 liter serta beberapa peralatan lain yang digunakan untuk kegiatan penyelewengan bahan terbabit.

"Minyak diesel, pam bermotor, paip penyambung, beberapa dokumen berkaitan serta peralatan lain yang ditemui di lokasi serbuan disita bagi tujuan sia-

satan lanjut dengan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM13,250.

"Kertas siasatan dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini sedang dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang terbabit dalam aktiviti itu serta rantai pengedaran minyak diesel termasuk sumber minyak diesel diperoleh dan diedarkan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, syarikat itu juga akan disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATPUAA 2001) (Akta 613).

Berdasarkan statistik penguatkuasaan Ops Tiris bermula 1 hingga 21 Mac lalu, sebanyak 2,582 pemerkasaan dilakukan di seluruh negara.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 69 kes dihasilkan membabitkan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM1.27 juta," katanya.

5,000 litres of diesel seized

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry confiscated 5,000 litres of diesel and equipment believed to be used for illegal trading of subsidised fuel in a raid at a premises at Semenyih in Selangor on Tuesday.

The ministry's director-general Datuk Azman Adam said a team of enforcement officers raided the premises at 9.30pm on suspicion that the premises was being used to store diesel.

"Diesel, motorised pumps, connecting pipes, several documents and other equipment that were found at the location were seized, with the total value of the seizure estimated at RM13,250," he said.

Azman added that the case was being investigated under the Control of Supplies Act 1961.

He said in operations codenamed *Ops Tiris* conducted from March 1 to 21, a total of 2,582 inspections were carried out, with 69 cases recorded, involving a total seizure value of RM1.27 million.

- Bernama



MEDIA ONLINE (KPDN)

24 MAC 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 MAC 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Mar	KPDN umum SHMMP Aidilfitri dua minggu lagi – Salahuddin	https://malaysiaga-zette.com/2023/03/23/kpdn-umum-shmmp-aidilfitri-dua-minggu-lagi-salahuddin/	MALAYSIAGAZETTE
24-Mar	Bufet Ramadan: KPDN boleh ambil tindakan kawal harga tak berpatutan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/948840/bufet-ramadan-kpdn-boleh-ambil-tindakan-kawal-harga-tak-berpatutan	HM
24-Mar	KPDN cadang pasar raya besar bergilir laksana Jualan Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/948906/kpdn-cadang-pasar-raya-besar-bergilir-laksana-jualan-rahmah-metrotv	HM
24-Mar	Jualan Rahmah 99 Speedmart tawar 40 peratus diskaun	https://malaysiaga-zette.com/2023/03/23/jualan-rahmah-99-speedmart-tawar-40-peratus-diskaun/	MALAYSIAGAZETTE
24-Mar	Syor Jualan Rahmah secara bergilir di pasar raya besar	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080794/syor-jualan-rahmah-sekara-bergilir-di-pasar-raya-besar	BH
24-Mar	99 Speed Mart buka 300 pasar mini baharu tahun ini	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/bisnes/korporat/2023/03/1080829/99-speed-mart-buka-300-pasar-mini-baharu-tahun-ini	BH
24-Mar	Baju Raya Rahmah bantu golongan B40	https://www.sinarharian.com.my/article/251083/edisi/utara/baju-rayah-rahmah-bantu-golongan-b40	SH
24-Mar	Jangan naikkan harga	https://sarawakvoice.com/jangan-naikkan-harga/	SARAWAKVOICE

24-Mar	Proposal for industry players to take turns running Rahmah campaigns, says Salahuddin	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/23/proposal-for-industry-players-to-take-turns-running-rahmah-campaigns-says-salahuddin	THESTAR
24-Mar	Three ministries to be involved in open toll payment system, says Salahuddin	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/23/three-ministries-to-be-involved-in-open-toll-payment-system-says-salahuddin	THESTAR
24-Mar	Govt will not terminate TnG's services, says minister	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/03/892021/govt-will-not-terminate-tngs-services-says-minister	NST
24-Mar	Banyak pemain bersedia tawar sistem pembayaran terbuka di tol - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080796/banyak-pemain-bersedia-tawar-sistem-pembayaran-terbuka-di-tol	BH
24-Mar	MGNews: Penggunaan Kad Kredit Dan Debit Akan Diperluas Ke Lebuhraya Utara-Selatan	https://malaysiagazette.com/2023/03/23/mgnews-penggunaan-kad-kredit-dan-debit-akan-diperluas-ke-lebuhraya-utara-selatan/	MALAYSIAGAZETTE
24-Mar	KPDN rampas 5,000 liter minyak diesel bersubsidi	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kpdn-rampas-5000-liter-minyak-diesel-bersubsidi/	UM
24-Mar	5,000 liter diesel dirampas dalam Ops Tiris	https://malaysiagazette.com/2023/03/23/5000-liter-diesel-dirampas-dalam-ops-tiris/	MALAYSIAGAZETTE
24-Mar	KPDN patah cubaan seleweng 5,000 liter minyak diesel bersubsidi	https://www.kosmo.com.my/2023/03/23/kpdn-patah-cubaan-seleweng-5000-liter-minyak-diesel-bersubsidi/	KOSMO
24-Mar	KPDN tumpas kegiatan seleweng 5,000 liter diesel di Semenyih	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-tumpas-kegiatan-seleweng-5-000-liter-diesel-di-semenyih-412155%3famp=1	ASTROAWANI

24-Mar	5,000 liter minyak diesel bersubsidi dirampas	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/251059	SH
24-Mar	KPDN tumpaskan seleweng 5,000 liter minyak diesel di Semenyih	https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-tumpaskan-seleweng-5000-liter-minyak-diesel-di-semenyih/	BULETINTV3
24-Mar	KPDN rampas 5,000 liter minyak diesel dalam Ops Tiris	https://utusantv.com/2023/03/23/kpdn-rampas-5000-liter-minyak-diesel-dalam-ops-tiris/	UMTV
24-Mar	Premis terlibat seleweng minyak diesel subsidi diserbu	https://www.edisi9.com.my/2023/03/premis-terlibat-seleweng-minyak-diesel-subsidi-diserbu/	EDISI9
24-Mar	Ops Tiris: 5,000 Liter Diesel Bersubsidi Dirampas	https://www.getaran.my/artikel/semasa/43215/ops-tiris-5000-liter-diesel-bersubsidi-dirampas	GETARAN
24-Mar	Rancang tambah 300 cawangan	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/bisnes/2023/03/949066/rancang-tambah-300-cawangan	HM
24-Mar	Idea hypermarket sosial mampu bantu golongan B40 tangani kos harga barang	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/idea-hypermarket-sosial-mampu-bantu-golongan-b40-tangani-kos-harga-barang-412193%3famp=1	ASTROAWANI
24-Mar	Don't profiteer at Ramadan bazaars, Salahuddin tells traders	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/03/892113/dont-profiteer-ramadan-bazaars-salahuddin-tells-traders	NST

24-Mar	Salahuddin Ayub: Three ministries to collaborate in open payment system on all highways in Malaysia	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/23/salahuddin-ayub-three-ministries-to-collaborate-in-open-payment-system-on-all-highways-in-malaysia/61174	MALAYMAIL
24-Mar	Three ministries collaborate on open payment system	https://m.malaysiakini.com/news/659803	MALAYSIAKINI
24-Mar	Three ministries collaborate in open payment system - Salahuddin	https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2175733	BERNAMA
24-Mar	Sesi libat urus perluas sistem pembayaran terbuka lebuh raya	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/251114	SH
24-Mar	MCMC, Melaka bekerjasama perluas kesedaran, tingkat penggunaan e-Tunai	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1080926/mcmc-melaka-bekerjasama-perluas-kesedaran-tingkat-penggunaan-e-tunai	BH
24-Mar	Minyak diesel bernilai belasan ribu dirampas KPDN	https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/60035-minyak-diesel-bernilai-belasan-ribu-dirampas-kpdn	BERITARTM